



Peserta beramah mesra dengan pelajar sekolah yang menyertai program motivasi.

BH (Versi)ti) Fhamis 15/8/13 ms V9

UMP di Kampung Budu

Kuala Lipis: Cuti semester dimanfaatkan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan berbakti di Kampung Budu, di sini.

Seramai 37 pelajar itu menayakan Program Kembara Radio Malaysia Pahang FM Bersama UMP.

Pengisian program diserikan dengan motivasi pelajar, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, sukaneka, kenduri rakyat, pertandingan memasak menu ikan tawar, lawatan industri desa dan sukan bola sepak persahabatan.

Keluarga angkat

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata masa terluang bersempena dengan cuti semester adalah peluang keemasan kepada peserta untuk tinggal bersama keluarga angkat.

"Walaupun dibatasi masa, pemukiman singkat di Kampung Budu ini mampu menampilkan pelbagai aktiviti yang menyentuh

setiap lapisan kumpulan sasaran," katanya.

Gulai tempoyak

Pelajar UMP dari Iraq, Raghad Yaseen Lazim, berkata dia seronok kerana berpeluang menyelami kehidupan masyarakat di kampung dan menyertai permainan sukan rakyat.

Katanya, dia juga menikmati masakan masyarakat desa termasuk membantu ibu angkatnya, Nabsiah Mohd Nor yang mengambil bahagian dalam pertandingan memasak gulai ikan patin tempoyak.

Sepanjang program, peserta juga berpeluang bertemu pengusaha gula kabong dan sambal hitam yang terkenal di Pahang.

Program itu dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri Pahang, Datuk Ir Mohd Soffi Abd Razak.



Pelajar antarabangsa UMP turut berpeluang memasak masakan empapan bersama-sama penduduk kampung.



Pelajar dan penduduk kampung terbabit dalam permainan sukan rakyat.